

Teori *Istihalah* dan *Istihlak* Sebagai Instrumen Penentuan Hukum Syarak
[Theory of *Istihalah* and *Istihlak* as Instruments for the Determination
of Islamic Law]

Nor Musfirah Mohamad

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS) Perlis, Malaysia

Email: musfirah@kuips.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
 01-12-2023

Accepted date:
 20-12-2023

ABSTRACT

The production of food products and consumer goods by mixing halal and haram ingredients is an issue among Muslim consumers. The istihalah and istihlak theory in determining halal food and goods is still being debated. This is because jurists have different views regarding its acceptance as a method of changing the status of goods from unclean to clean. This article aims to explain the concept of the istihalah and istihlak theory as an instrument for the determination of Islamic law. This study is qualitative. The data is collected through document analysis by referring to authoritative fiqh books, several journals and internet references that can be trusted as data sources. The data are analyzed and described using inductive, deductive and comparative methods to obtain results that coincide with the objectives of the study that have been set. The study's findings show that these two theories are the methods of purification of food and goods according to Islamic Law and are applied as instruments for determining Islamic law. However, the difference in the views of jurists on the theory of istihalah is categorized into two, namely the Hanafiyyah group that expands it and the Shafi'iyah group that narrows the scope of its application. However, for the theory of istihlak, the difference between the two groups is not seen as significant, thus proving that there is room for unification between the two views.

Keywords: *Theory, Istihalah, Istihlak, Instrument of determination, Islamic Law*

PENDAHULUAN

Islam menetapkan prinsip umum berkaitan soal halal haram dalam pemakanan, perubatan, ubat-ubatan atau barang kegunaan harian. Sekiranya berlaku kekeliruan hukum maka para fuqaha melakukan penelitian dan ijtihad bagi menjelaskan isu tersebut. Teori *istihalah* dan *istihlak* adalah antara salah satu instrumen penentuan hukum oleh fuqaha dalam mengukur status halal atau haram sesuatu produk yang tidak jelas. Teori *istihalah* dan *istihlak* tidaklah suatu istilah yang baharu. Sebenarnya, teori-teori ini telah dibincang oleh para fuqaha terdahulu dalam kitab-kitab fiqh melalui bab-bab fiqh yang pelbagai seperti topik najis (*najis*) dalam bab bersuci (*taharah*) dan bab makanan dan minuman. Penggunaannya sebagai satu istilah teknikal dalam fiqh dan mula digunakan oleh para ulama era kontemporari (Saadan Man, 2009).

Kedua-dua teori ini merupakan kaedah penyucian makanan dan minuman daripada bahan asalnya adalah najis dan haram menjadi bahan halal dan suci. Begitu juga keputusan fatwa Majlis Fiqh Sedunia pada Jun 1997 turut berpendapat bahan-bahan tambahan yang dicampurkan kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram, akan berubah menjadi bahan yang halal dan harus dari segi syarak melalui dua cara. Pertama; proses *istihalah* (proses perubahan bentuk dari segi zat, sifat). Kedua; proses *istihlak* (proses pemusnahan bentuk dari segi bau, warna dan rasa) (al-Ahkam.net, 2009). Justeru, artikel ini dikemukakan bertujuan untuk menjelaskan konsep teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai instrumen penentuan hukum syarak seperti penentuan hukum produk makanan, minuman, perubatan dan barang gunaan. Diharapkan kajian ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pengguna Islam berkaitan teori *istihalah* dan *istihlak* dan juga beberapa comtoh fatwa yang mengaplikasi teori tersebut dalam penentuan hukum.

SOROTAN KAJIAN

Penulisan berkaitan *istihalah* dan *istihlak* telah ada dalam khazanah keilmuan Islam kitab-kitab turath seperti karangan al-Shirazi (t.t) berjudul *al-Muhadhab*, al-Kasani (t.t) berjudul *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i*. Selain itu, kitab karangan Ibn Qudamah (1984) bertajuk *al-Mughni*, Ibn Taymiyyah (1987) bertajuk *ahkam al-Taharah* dan lain-lain. Perbincangan dan penulisan kedua-dua teori ini dibincang oleh para fuqaha terdahulu dalam kitab-kitab fiqh meliputi bab-bab fiqh yang pelbagai seperti subtopik najis (*najis*) dalam bab bersuci (*taharah*) dan bab makanan dan minuman.

Meskipun tulisan artikel tentang *istihalah* dan *istihlak* pernah dilakukan pengkaji sebelum ini seperti artikel oleh Ab Rahman (2019) bertajuk Pemakaian Kaedah Istihlak dan Istihalah dalam Penentuan Produk Halal di Malaysia Berdasarkan Bidangkuasa Perundangan dan Keputusan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Penulisan turut juga diperkemaskan oleh Mamat (2021) dalam artikelnya bertajuk Istihalah In Malaysian Fatwa: Istihalah Dalam Fatwa Di Malaysia. Namun kedua-dua artikel ini lebih menjurus kepada aspek perbincangan bidangkuasa perundangan dan keputusan hukum tetapi masih tidak secara menyeluruh.

Selain itu, artikel tulisan oleh Kashim (2017) berkaitan Istihalah dan Kesannya Kepada Makanan Menurut Perspektif Islam, artikel Sidek & Ahmad (2017) yang bertajuk Aplikasi al-Istihalah dalam Industri Halal Semasa Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2 (1). Walau bagaimanapun, perbahasan kedua-dua artikel ini lebih terarah kepada istihalah sahaja, teori istihlak tidak dibincangkan langsung sama ada menurut Islam mahu pun aplikasi menurut maqasid syariah.

Namun demikian, artikel tulisan oleh Abdullah et al., (2011) bertajuk Konsep istihalah dan Istihlak pada Makanan dan Barang Gunaan ada kaitan rapat dengan kajian ini, Walau bagaimanapun, perbahasan lebih terarah kepada istihalah, istihlak masih kurang diperkatakan secara lebih mendalam. Justeru, kajian ini mengupas perbahasan berkaitan konsep teori istihalah dan istihlak sebagai instrumen penentuan hukum syarak dengan lebih komprehensif. Pengkaji akan menjelaskan konsep teori *istihalah* dan *istihlak* secara lebih menyeluruh meliputi definisi, asas dasar kedua-dua teori tersebut, pandangan fuqaha berkaitan teori-teori tersebut diikuti beberapa contoh aplikasi atau pemakaian kedua-dua teori melalui keputusan hukum di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis dokumen dalam menjelaskan konsep teori *istihalah* dan *istihlak* melalui penerokaan terhadap pelbagai sumber merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang muktabar, beberapa jurnal dan rujukan internet yang boleh dipercayai sebagai sumber data dan lain-lain. Data-data yang dikumpul akan dianalisis dan diurai dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif artikel adalah untuk menjelaskan teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai kaedah penyucian dalam makanan dan barangan yang halal sekaligus menjadi instrumen penentuan hukum syarak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian berkaitan konsep teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai instrumen penentuan hukum syarak dapat diklasifikasikan kepada tiga tema iaitu definisi istihalah dan istihlak, dalil asas sandaran teori *istihalah* dan *istihlak* dan pandangan fuqaha berkaitan kedua-dua teori tersebut.

a) Definisi *Istihalah*

Istihalah adalah perkataan bahasa Arab bererti berubah (*to change, transform*) (Ibn Manzur, 1990; *Majlis al-`Ala lishu"un al-Islamiyyah*, 1309; Milton Cowan, 1971). Dari sudut bahasa bermaksud perubahan sesuatu secara tabi'i dan sifat sesuatu yang tidak mungkin atau mustahil sama ada dari segi perkataan atau perbuatan (al-Ghananim, 2008; *Wizaratu al-Awqaf wa al-Na`syiun al-Islamiyyah*, 2005; Sa`di Abu Jayb, 1988). Wahbah Zuhayli (2008) mendefinisikan *istihalah* kepada dua pengertian iaitu pertama; mustahil, tidak mungkin berlaku dan tidak bersesuaian (*munasabah*). Kedua; perubahan sesuatu secara tabi'i, sifat, zat dan nama (*isim*).

Para fuqaha secara umumnya mentakrifkan *istihalah* sebagai perubahan dan pertukaran sesuatu bahan kepada sesuatu bahan lain yang meliputi perubahan zat dan sifat dari sudut istilah syarak (*Majlis al-`Ala li al-Shu`un al-Islamiyyah*, 1309 h). Perubahan yang dimaksudkan dalam konteks hukum fiqh ialah perubahan sesuatu bahan najis kepada bahan suci, atau sesuatu yang diharamkan berubah menjadi sesuatu yang diharuskan oleh syarak. Contohnya perubahan zat dan sifat arak melalui pemeraman dan khinzir melalui proses pembakaran (Zuhaily, 1997). Begitu juga perubahan yang berlaku apabila suatu najis jatuh ke dalam bahan yang bersih. Contohnya, babi jatuh ke dalam lautan garam sehingga berubah menjadi butiran garam, perubahan darah kijang bertukar menjadi kasturi, arak bertukar menjadi cuka, tahi binatang menjadi abu sebab pembakarannya (Wizarah al-Awqaf wa al-Shu"un al-Islamiyyah, 1984; al-Zuhayli, 1986). Nazih Hammad (2004) menyatakan teori *istihalah* (teori perubahan zat) bermaksud apabila bahan najis atau haram berubah zat serta sifatnya menjadi satu bahan lain, walaupun berbeza dengan bahan yang asal sama ada dari segi nama, kriteria dan sifat, menjadi sesuatu yang halal.

Dalam istilah saintifik yang sering diguna pakai adalah teori perubahan zat iaitu suatu proses yang sama dengan teori *istihalah* dalam perundangan Islam. Teori perubahan zat merujuk kepada tindak balas kimia yang merubah sesuatu bahan atau jisim menjadi bahan lain iaitu seperti perubahan minyak dan lemak yang diperoleh daripada berbagai-bagai sumber menjadi sabun (al-Fayyumi, 1985). Dari aspek makanan, zat merujuk kepada keadaan fizikal

atau khasiat bahan makanan tersebut. Ciri-ciri yang terkandung dalam sesuatu zat atau bahan ialah bersifat wujud, rasa, bau, nampak dan jelas. Oleh itu, teori perubahan zat merujuk kepada satu proses perubahan atau penguraian yang berlaku terhadap satu bahan atau khasiat sesuatu makanan. Keadaan perubahan tersebut berlaku melalui beberapa proses penukaran sama ada menerusi mekanisme semulajadi atau secara sintetik dengan bahan kimia (campur tangan manusia) (Ab. Majid et al., 2008).

b) Definisi istihlak (hancur zat)

Istihlak dari sudut bahasa bererti musnah iaitu binasa, hilang, lenyap, rosak (*destroyed, wrecked, badly damaged*) dan hapus. Dalam erti kata lain, *istihlak* bermaksud proses pelarutan (*solvency*) pemusnahan (*extermination*) penghabisan (*termination*) (Kelana & Lai Choy, 1998). Ibn Taimiyyah (1998) berpendapat *istihlak* dari sudut istilah syarak adalah sesuatu bahan kotor seperti darah, bangkai, daging babi dan sebagainya terjatuh ke dalam air atau sebarang cecair (halal dan suci), lalu terlarut atau lupus di dalamnya tanpa meninggalkan kesan dari segi bau, warna dan rasa, maka campuran tersebut dianggap halal. *Istihlak* dari sudut istilah fuqaha adalah mengeluarkan sesuatu yang bermanfaat kepada manfaat lain yang dituntut oleh orang ramai atau sesuatu berubah daripada sifat kepada sifat yang lain. *Istihlak* boleh dinyatakan sebagai “apabila bahan najis dilarutkan dalam bahan yang suci, sifat bahan najis tersebut hilang dan menjadi tidak najis serta harus digunakan”. Contohnya, jika binatang kencing di dalam tasik, selagi tidak berubah bau, warna, dan rasa air, maka air tasik tersebut masih suci dan menyucikan, harus diminum dan digunakan untuk berwuduk (*Majlis al-`Ala lishu"un al-Islamiyyah*, 1309:124).

Nazih Hammad (2003) mendefinisikan *istihlak* merupakan perlarutan, pelupusan atau peluputan sesuatu bahan. *Istihlak* juga bermaksud percampuran di antara dua bahan (material) yang menyebabkan hilang atau terlupus ciri kedua-duanya untuk dikenalpasti walaupun secara pastinya unsur bahan itu masih kekal dalam campuran tersebut. Contohnya, jika berlaku percampuran antara setitik arak dengan air, arak tersebut terlarut dan tidak dapat dikenalpasti atau dibezakan antara keduanya. Ini adalah kerana percampuran itu menghilangkan sifat, bau, warna, bentuk daripada bahan asalnya. Oleh yang demikian, sesuatu yang telah bercampur itu telah berubah kepada menjadi harus setelah hilang unsur bahan najis yang diharamkan oleh syarak. Dalam ilmu sains, teori *istihlak* merujuk kepada penguraian kimia (*chemical decomposition*) iaitu perubahan kimia dengan sebatian yang dipecah menjadi sebatian sederhana atau elemen. Misalnya, kalsium karbonat.

c) Dalil Asas Teori *Istihalah* Dan *Istihlak*

Teori *istihalah* dan *istihlak* ini diambil daripada sumber yang disepakati iaitu al-Quran dalam surah al-Nahl ayat 66. Firman Allah S.W.T:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً ۚ نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ ۖ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبِئًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ ٦٦

Terjemahan: “Dan Sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum dari pada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya”

(al-Nahl (16): 66)

Dalam ayat di atas, teori *istihalah* dilihat melalui aspek kesucian susu yang dihasilkan oleh binatang ternakan serta halal untuk diminum meskipun asalnya susu di antara najis dengan darah. Susu itu terhasil dari makanan yang dimakan oleh haiwan tersebut yang kemudiannya dicernakan di dalam perut di mana sebahagiannya menjadi darah, daging dan susu, manakala selebihnya menjadi najis yang dikeluarkan apabila tiba masanya. Perubahan secara semulajadi darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci dan halal dimakan adalah proses *istihalah* yang diterima dalam kalangan para ulama (Saadan Man, 2009).

Seterusnya, pada dasarnya tidak terdapat hadis yang khusus menyebut secara langsung berkaitan *istihalah*. Walau bagaimanapun, tidak bermakna teori *istihalah* tidak dibincangkan dalam khazanah keilmuan Islam terdahulu. Ini kerana dari segi pemakaian atau aplikasinya terdapat beberapa hadis yang membincangkan isu-isu yang berkait dengan teori ini. Antara hadis yang menjadi sandaran terhadap teori *istihalah* ialah isu samak dan status haiwan *al-jallalah*. Hadis dalam perbincangan mengenai kulit haiwan yang disamak melalui Sabda Nabi SAW:

إذا دبغ الاءهاب فقد طهر

Terjemahan: “Apabila kulit disamak, maka kulit menjadi suci”.

(Sunan Abi Daud. *Kitab al-Libas, Bab `ahabb al-maytah*. no. hadis: 4123; daripada Abdullah bin Abbas)

Sabda Rasulullah SAW mengenai larangan memakan haiwan *al-Jallalah* sekalipun pada asalnya halal dimakan setelah disembelih. Dalam hal ini, haiwan *al-Jallalah* yang haram dimakan boleh berubah menjadi halal dengan syarat haiwan tersebut dikurung dan diberi makanan yang bersih sehingga sifat fizikalnya kembali seperti haiwan ternakan yang normal (Abu al-‘Ula Muhammad ‘Abd al-Rahman, 1995). Sabda baginda menerusi riwayat ‘Abd Allah bin Umar:

هَي رَسُولُ اللَّهِ عَنْ أَكْلِ الْجَلَالَةِ وَالْبَانِخَا

Terjemahan: “*Rasulullah SAW telah melarang (mengharamkan) daripada memakan (daging) haiwan berstatus al-Jallalah dan susunya.*

(Sunan Tarmizi. *Kitab al-At`imah, Bab ma ja`a fi`akala luhum al-jalalah wa albanuha*. no. hadis: 1824 daripada Abdullah bin Umar)

Hadis ini menunjukkan larangan Rasulullah SAW memakan haiwan berstatus *al-jallalah* (haiwan yang diberi atau memakan makanan kotor secara berkala). Namun begitu, haiwan ini halal dimakan setelah melalui proses kuarantin dalam tempoh tertentu. Ini kerana haiwan tersebut mengalami penyucian melalui proses istihalah dalam fasa tersebut.

Dalil ijmak pula, para ulama sejak zaman sahabat lagi telah sepakat menegaskan hukum cuka yang telah bertukar daripada arak adalah suci dan halal dimakan (Sa'id Abu Habib, 1999), bahkan cuka sangat disukai oleh Rasulullah SAW berdasarkan sabda baginda yang diriwayatkan oleh `Aisyah:

نَعَمْ الْأَذْمُ أَوْ الْإِدَامُ الْحَلُّ

Terjemahan: “*Sebaik-baik lauk (bahan yang menyedapkan makanan utama) itu ialah cuka*”.

(Sahih Muslim. *Kitab al-Asyribah. Bab Fadhilah al-Qallu*, no. hadis: 5350 daripada `Aishah Ummul Mukminin)

Manakala asas sandaran teori *istihlak* pula diambil berdasarkan hadis riwayat Abu Daud berkenaan air yang melebihi dua kolah, Nabi SAW bersabda:

فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ

Terjemahan: “Apabila air mencapai dua kolah, maka tidak akan membawa kepada kekotoran”.

(Sahih Abi Daud. *Kitab Taharah, Bab Ma Yanjis al-Ma`*, no. hadis: 63 ;Tarmizi (67), Nasaie (52), Ibn Majah (517), Imam Ahmad (4961) daripada Umar bin al-Khatab)

Hadis di atas menjelaskan bahawa air najis atau sesuatu yang haram, apabila bercampur dengan air banyak atau cairan bersih, di*istihlakkan* (dihancur zat) didalamnya tanpa membawa sebarang perubahan padanya samada warna, rasa atau bau, maka kekal sebagai bersih dan halal,

tidak terkesan dengan bahan najis yang sedikit itu atau seumpamanya (Ibn Taymiyyah, 2004). Berasaskan dalil-dalil tersebut menunjukkan konsep *istihalah* dan *istihlak* beserta pemakaiannya wujud pada zaman Rasulullah SAW lagi. Justeru, dapat dijadikan sebagai asas dalam penerimaan teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai instrumen purifikasi alternatif hukum.

d) Pandangan Fuqaha berkaitan Teori *Istihalah*

Perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha hanya meliputi aspek pengaplikasian atau praktikal teori *istihalah*. Ulama mazhab Syafi'i tidak meluaskan pengaplikasian *istihalah* terhadap isu-isu baru. Manakala ulama mazhab Hanafi, mazhab Zahiri, Imam Malik, Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim, Ibn Hazm, al-Syawkani meluaskan skop dan pengaplikasian teori *istihalah* (Nazih Hammad, 2004: 27). Berikut adalah perincian pendapat pelbagai mazhab.

Mazhab Hanafi berpendapat, *istihalah* adalah satu proses yang boleh mengubah benda najis kepada suci sama ada terjadi secara semulajadi, atau tidak semulajadi, contohnya melalui proses pembakaran dan percampuran dengan bahan-bahan lain. Mereka bersandarkan pendapat bahawa zat sesuatu benda itu telah berubah kepada bentuk dan sifat yang lain. Al-Kasani berpendapat *istihalah* adalah sesuatu yang najis bertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlah dari keadaan najis. Ini kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan itu telah tiada, maka sifatnya juga tiada seperti arak bertukar menjadi cuka (al-Kasani (t.t): 442; Ibn Taimiyyah, 1991:198). Manakala mazhab Maliki berpendirian sesuatu perubahan yang baik adalah dikategorikan sebagai bahan suci dan perubahan kepada buruk dianggap sebagai najis. Ia boleh difahami melalui nukilan kitab *Hasyiyah al-Dasuqi 'ala syarh al-Kabir* yang menyatakan sesuatu bahan yang berubah kepada suatu yang baik adalah suci. Sebaliknya perubahan kepada bahan yang buruk dan kotor adalah najis. Contohnya, manusia walaupun daripada orang kafir adalah bersih kerana berlaku proses perubahan (*istihalah*) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang kotor (al-Dasuqi, 1980).

Mazhab Syafi'ipula berpendapat, *istihalah* suatu bahan yang najis tidak boleh berubah menjadi suci melainkan tiga keadaan. Pertama, arak yang bertukar menjadi cuka dengan secara semulajadi. Kedua, kulit binatang yang mati selain daripada anjing dan babi apabila disamak; ketiga, sesuatu bahan yang najis berubah menjadi kehidupan yang lain. Contohnya, bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku kehidupan baru secara semulajadi (Muhammad, 1994:80; al-Shirazi (t.t): 48). Mazhab Hanbali berpendirian hampir sama dengan mazhab Syafi'i iaitu teori *istihalah* ini hanya diterima dalam konteks arak menjadi cuka secara semulajadi. *Istihalah* yang terjadi sebab pembakaran atau percampuran adalah tidak suci

(Ibn Qudamah, 1984). Ini bererti, abu dan asapnya adalah najis, tanah liat yang dipenuhi najis binatang yang haram dimakan adalah najis walaupun dibakar untuk dijadikan pasu, tembikar, pinggan mangkuk.

Selain pandangan mazhab empat, dalam pengaplikasian teori *istihlah*, Ibn Hazm yang mewakili mazhab Zahiri berpendapat apabila sifat sesuatu bahan najis atau haram tersebut berubah, maka namanya turut berubah dan sifat najisnya terbatal. Ini kerana hukum penentuan hukum haram tersebut berdasarkan namanya. Oleh itu, bahan yang bertukar nama lain bersifat halal. Maka ia bukan lagi bahan najis dan haram, malah ia telah menjadi bahan baru (Ibn Hazm, 1988:138). Contohnya, jus buah-buahan yang menjadi arak, arak menjadi cuka (Sulaiman al-Banjiri, 1951:295). Antara lainnya air minuman yang berubah menjadi air kencing, makanan yang berubah menjadi tahi, tahi binatang yang digunakan sebagai baja tumbuhan, lalu tumbuhan tersebut mengeluarkan hasil berupa buah-buahan dan sayur-sayuran (Saadan Man, 2009:5).

e) Pandangan Fuqaha berkaitan Teori *Istihlak*

Istihlak juga telah diterima pakai oleh para ulama untuk menentukan hukum makanan walaupun dikenali dengan pelbagai istilah yang berbeza. Namun, yang menjadi perselisihan dalam kalangan ulama adalah sejauh manakah teori *istihlak* boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang yang berbeza. Pelbagai pandangan diberikan oleh para fuqaha.

Dalam penulisan kitab *al-Majmu' al-Sharh al-Muhadhdhab* berhubung teori *istihlak* dengan menyatakan sesuatu masakan yang bercampur tanpa disengajakan sekalipun dengan daging manusia, tidak diharamkan kerana telah terurai atau hancur di dalam campuran masakan tersebut. Begitu juga dalam kes air kencing atau bahan najis-najis lain, apabila termasuk ke dalam bekas simpanan air yang kuantitinya lebih daripada dua kolah maka tetap boleh digunakan selagimana tidak berubah sama ada dari segi bau, rasa, atau warna. Ini kerana air kencing tersebut telah terurai dan kesannya hilang dalam simpanan air yang lebih banyak. Ini adalah pendapat yang paling tepat berhubung kaedah *istihlak* (al-Nawawi (t.t):39).

Ibn Taimiyyah (1987) dalam kitab nukilannya yang bertajuk *Ahkam al-Taharah* berpendapat asal air adalah suci dan tidak najis. Apabila air tersebut berubah menjadi najis, maka haram digunakan. Berbeza sesuatu bahan najis apabila berubah menjadi suci, maka halal digunakan. Misalnya, apabila arak terjatuh dalam air dan berubah dan hilang warna, rasa, dan bau. Kemudian air tersebut (yang bercampur arak) diminum, bukan bererti minum arak, tidak wajib dikenakan hukuman hudud. Contoh lain jika susu ibu terjatuh ke dalam air

dan berubah sehingga tidak kekal kesan, air tersebut diminum oleh bayi, tidak diiktiraf sebagai anak susuan.

Fatwa Ibn Taimiyyah dalam kitab *Ahkam al-Taharah* berkaitan prinsip istihlak antaranya apabila jatuh anjing, atau babi atau unta, atau lembu atau kambing dalam perigi, kemudian mati di dalamnya. (Ibn Taimiyyah, 1987:239-240). Menurut jumhur ulama seperti Imam Malik, al-Syafi'i, dan Imam Ahmad berpendapat ianya suci dan tidak najis apabila air sampai dua kolah sekira air perigi tersebut tidak berubah. Perigi yang terjatuh ke dalamnya sesuatu yang najis, sekiranya air tidak berubah dengan najis tersebut, maka ianya suci; jika masih terdapat baki najis, maka najis tersebut dibuang atau dilemparkannya, natijahnya keseluruhan air perigi adalah suci (Ibn Taimiyyah, 1987: 241; Khazi Marhaban, 1426 h:87-88). Hukum kenajisan dan cara penyucian bahan pepejal apabila masuk najis ke dalamnya telah disepakati oleh fuqaha. Cara penyuciannya dengan membuang najis tersebut serta kesan sekelilingnya, hukum baki bahan pepejal tersebut adalah suci (al-Dabyan, 2005: 633; Ibn Taimiyyah, 1991:199-201).

Nazih Hammad (2004) turut membuat penjelasan berkaitan teori istihlak ini. Beliau berpendapat teori istihlak adalah sama dengan teori *istihalah* iaitu bahan-bahan yang haram atau najis yang larut di dalam cecair yang suci, maka cecair itu dihukumkan sebagai halal kerana tidak terdapat lagi sebarang kesan daripada bahan-bahan najis tadi sama ada dari segi warna, rasa dan bau. Hujah beliau ialah dari segi namanya (sebagai bahan najis) sudah hilang kerana tidak lagi wujud sifat-sifat zahirnya dan kriterianya. Oleh sebab itu, hilang atau berubah juga hukum pengharaman atau kenajisannya kerana hukum syarak bergantung kepada kewujudan nama dan sifat-sifat pada sesuatu bahan itu.

PERBINCANGAN

Sandaran teori istihalah dan istihlak adalah berlandaskan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini. kedua-dua teori ini merupakan cara penyucian makanan dan minuman atau barang gunaan daripada bahan asalnya adalah najis dan haram menjadi bahan halal dan suci. Kedua-dua teori ini juga adalah salah satu instrumen penentuan hukum syarak. Rentetan daripada perbincangan konsep teori kaedah *al-istihalah* dan *al-istihlak* meliputi definisi, dalil-dalil asas *istihalah* dan *istihlak* serta beberapa keputusan fatwa yang berkaitan, maka wajar untuk mengaplikasikan kedua-dua teori dalam penentuan hukum makanan dan barang gunaan. Namun demikian, ditegaskan bahawa penentuan hukum berdasarkan kedua-dua teori ini tidak bahawa perubahan yang telah berlaku adalah sememangnya melibatkan kesemua wajar diaplikasikan dengan mudah iaitu dengan hanya

berdasarkan kepada perubahan yang dilihat pada sifat luaran yang wujud pada sesuatu bahan makanan tersebut agar kita dapat memastikan aspek iaitu perubahan dari segi warna, bau, rasa dan struktur kimia serta fizik bagi bahan terbabit. Tindakan ini penting bagi mengelakkan diri daripada termakan bahan najis dan haram tanpa disedari.

Para ulama secara dasarnya bersepakat untuk menerimanya sebagai kaedah penyucian bahan bernajis. Namun dari sudut pengaplikasian teori ini, sebahagian ulama ada yang memperluaskannya, manakala sebahagian yang lain menghadkan atau menyempitkan skop pemakaiannya kepada kes-kes dan syarat tertentu sahaja. Ini dijelas menunjukkan mazhab Syafie dan Hanbali berpendapat perubahan daripada sesuatu yang haram kepada suci atau halal hanya berlaku dalam tiga perkara sahaja iaitu arak yang bertukar menjadi cuka secara semulajadi, kulit bangkai binatang selain anjing dan babi menjadi suci apabila disamak dan; sesuatu yang berubah menjadi binatang hidup seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana terjadi suatu kehidupan baru. Benda yang najis tidak menjadi suci dengan berubah sifat benda tersebut. Seterusnya mazhab Hanafi, Maliki dan Ibn Hazm berpendapat istilah merupakan salah satu proses yang membolehkan sesuatu bahan yang najis menjadi suci sama ada terjadi secara semulajadi ataupun melalui perantaraan iaitu percampuran dengan bahan lain atau aktiviti lain seperti pembakaran. Hujah mereka adalah bahawa zat asal sesuatu benda itu telah berubah kepada bentuk atau sifat lain.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menunjukkan terdapat produk menjadikan teori *istihalah* dan *istihlak* sebagai instrumen penentuan hukum. Kebanyakannya berkaitan dengan bab perubatan, makanan dan minuman serta sedikit dalam bab sosial dan syariah. Antara beberapa contoh Keputusan Hukum di Malaysia berkaitan produk berasaskan *istihlak* dan *istihalah* dalam kategori perubatan seperti “Hukum Penggunaan Vaksin Covid-19” (Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Islam, 2020), “Hukum Penggunaan Ubat *Clexane* Dan *Fraxiparine*” (JAKIM, 2014) dan “Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi” (JAKIM, 1983). Manakala, kategori makanan dan minuman pula seperti “Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya” (JAKIM, 2015), “Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (Genetic Modified Food)” (JAKIM, 2012) dan “Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)” (JAKIM, 2006). Seterusnya, keputusan hukum di Malaysia berkaitan produk berasaskan *istihlak* dan *Istihalah* kategori syariah dan sosial seperti “Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China)” (JAKIM, 2012).

KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan dapat digariskan dalam penulisan ini, antaranya ialah:

- i. Penulis bersetuju kedua-dua teori ini merupakan kaedah atau cara penyucian yang disarankan menurut syariat Islam dalam kes bahan tambahan yang dicampur kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram. Namun, menurut pengkaji istihlak dan *istihalah* tidak sama. Ini kerana teori istihlak adalah proses perlarutan atau pemusnahan dari segi bau, warna dan rasa. Manakala, teori *istihalah* pula adalah proses perubahan atau tranformasi bahan najis dari segi zat dan sifat menjadi satu bahan lain yang suci seperti arak berubah menjadi cuka.
- ii. Sandaran teori *istihalah* dan *istihlak* adalah berlandaskan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Kedua-dua teori ini adalah antara satu instrumen penentuan hukum oleh fuqaha dalam mengukur status halal atau haram sesuatu produk yang tidak jelas dalam pelbagai bidang.
- iii. Namun demikian, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha berkaitan pemakaian teori *istihlak* dan *istihalah* dalam pelbagai bidang. Mazhab Hanafi, Maliki dan Ibn Hazm meluaskan skop penggunaannya, manakala Mazhab Syafie dan Hanbali yang menyempitkannya kepada beberapa perkara sahaja. Selama mana ijtihad yang dilakukan dalam menilai kaedah ini tidak melanggar batasan syariat, mengambil kira kesesuaian dengan uruf dan suasana setempat, maka ia adalah dibenarkan.

RUJUKAN

- Abdullah, J., Suhaimi, R., & Noer, Z. M. (2011). Konsep Istihalah dan Istihlak pada Makanan dan Barang Gunaan. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 71-92.
- Ab Rahman, Z. M. (2019). Pemakaian Kaedah Istihlak dan Istihalah dalam Penentuan Produk Halal di Malaysia Berdasarkan Bidangkuasa Perundangan dan Keputusan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Ab. Majid, M. Z., Wan Mohamed Radzi, C.W.J & Jamaludin, M.A. (2008,1-2 April). Aplikasi Teori Istihalah sebagai Instrumen Purifikasi Alternatif terhadap Penghasilan Produk Makanan di Malaysia, (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 320-322.
- Abu al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman b. 'Abd al-Rahim (1995), h. 463-464, no. h.: 1824 dlm. *Kitab al-At'imah*.

- Al-Ahkam Net. (2009). *Bahan Asalnya Adalah Najis Dan Haram Menjadi Bahan Halal Dan Suci*. Diambil daripada <http://www.al-ahkam.net/forum09/viewtopic.php>
- Alawi bin Abd Qadir al-Syaqaf. (2023). Al-Durar al-Sanniyyah. Di ambil daripada <https://dorar.net>
- Al-Dabyan. (2005). Mawsu'ah Ahkam al-Taharah al-Najasah, j. 13. Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 633.
- Al-Dasuqi. (1980). *Hasyiyah al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*.
- Al-Fayyumi, A.M. (1985). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kubir*, jil 1. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 190.
- Al-Ghananim. (2008). *Al-Istihalah wa Ahkamuha Fi Fiqh Al-Islami*, Jordan: Dar Al- Nafa'is, h. 75.
- Al-Kasani. (t.t). *Bada'i al-Sana'I fi Tartib al-Syara'i*. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah, h.442.
- Al-Nawawi. (t.t). *Al-Majmu' al Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al- Fikr, h. 39.
- Al-Shirazi (t.t). *Al- Muhadhab*. (t.t.p): Dar al-Fikr, h. 48.
- Hans Wehr ed J. Milton Cowan. (1971). *A Dictionary of Modern Written Arabic*, c. 3. New York: Wiesbaden: Otto Harrassowitz, h. 215.
- Ibn Abi Syaybah, Abu Bakr 'Abd Allah b. Muhammad al-Kufi al-'Abasi (1995), h. 147, no. h.: 24603-24605 dlm. *Kitab al-At'imah*.
- Ibn Hazm. (1988), *Al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h. 138.
- Ibn Manzur. M. (1990). *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir, h. 185.
- Ibn Qudamah (1984). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 89.
- Ibn Taimiyyah. (1991). Mawsu'ah Fiqh al-Sunnah Fiqh al- Taharah. Beirut: Dar Fikr al-'Arabi, h. 199-201.
- Ibn Taymiyyah. (1987). *Ahkam al-Taharah*. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah, h. 31.
- Ibnu Taymiyyah. (1998). *Majmu' al-Fatawa Ibn Taimiyyah*, Mansurah: Dar al-Wafa', h. 284.
- Hadis Syarif. (2023). Hadis al-Rasul. Diambil daripada <https://hadithprophet.com/hadith-60025.html>
- Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam). (2020). *Pengambilan vaksin covid-19 dan pemasalahannya*. Diambil daripada https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19/islam-dan-vaksinasi/hukum-vaksin-covid-19/AL-BAYAN_SIRI-7.pdf
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2014). *Hukum Penggunaan Ubat Clexane Dan Fraxiparine*. Diambil daripada <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/fatwa/fatwa/find/pr/15254>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (1983). *Penyuntikan.Highly Purified Insulin Daripada Babi*. Diambil daripada <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/fatwa/fatwa/find/pr/15231>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2012). *Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (Genetic Modified Food)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10278>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2015). *Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10326>

- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2006). *Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15281>
- JAKIM Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. (2012). *Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China)*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10297>
- Kashim, M. I. A. B. M. (2017). Istihalah Dan Kesannya Kepada Makanan Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI*, 12(2), 102-111.
- Khazi Marhaban, I. (1426 h). *Masail Imam Ahmad bin Hanbal al-Fiqhiyyah riwayat Mahna bin Yahya al-Syami*, juz 1. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-` Ulum wa al- Hikam, h. 87&88
- Kelana C. M. & Lai Choy. (1998). *Kamus Pewira (A Latest Malay-English Dictionary)*. Selangor: Peberbitan Daya Sdn. Bhd.
- Majlis al-` Ala li al-Shu` un al-Islamiyyah. (1309 h). *Mawsu` ah Jamal ` Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islami*. Jil 5(t.t.p): (t.p), h. 7.
- Majlis al-` Ala lishu` un al-Islamiyyah. (1390). *Mawsuah Jamal ` Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islami*, juz. 6. Kaherah: al-Majlis al-` Ala lishu` un al-Islamiyyah, h. 7.
- Mamat, Z. (2021). Istihalah In Malaysian Fatwa: Istihalah Dalam Fatwa Di Malaysia. *Journal of Fiqhiyyat*, 1(1), 30-38.
- Muhammad, S.M. (1994). *Al-Iqna` fi Hil al-Alfaz Abi Syuja`*, jid.1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 80.
- Nazih Hammad. (2004). Al-Mawad al-Muharramah wa al-Najisah fi al-Ghiza' wa al-Dawa' bayna al- Nazariyyah wa al-Tatbiq, (terj.) Basri Ibarahim, *Penggunaan Bahan-bahan Yang Haram Dan Najis Dalam Makanan Dan Ubat-ubatan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher, h. 37-48.
- Nazih Hammad. K. (2003). *Al-Adawiyah al-Mushtamilah `ala al-Kuhul wa al Mukhaddarat*. Beirut: Majalah al-Majma` al-Fiqh al-Islami, bil.16, h. 79.
- Saadon, M., (2009, 8 Ogos). Pendekatan Istihalah Dalam Produk Yang Berunsurkan Babi dlm. In *Seminar Fenomena Najis Mughallazah Dalam Dunia Kontemporari*. Auditorium SIRIM. Shah Alam. Selangor. h. 5.
- Sa` di Abu Jayb. (1988). *Al-Qamus al-Fiqhi, Lughatan wa Istilahan*, c. 2. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 105.
- Sa'id Abu Habib. (1999). *Mawsu'ah al-Ijma' Fi al-Fiqh al-Islami*, j. 2, c. 3. Damsyik: Dar al-Fikr. h. 450, 447-448.
- Sidek, T., & Ahmad, R. (2017). Aplikasi al-Istihalah dalam Industri Halal Semasa Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1).
- Sulaiman al-Banjiri. (1951). *Najirmi `ala al-Khatib*. Juz 1. Mesir: Sharkati Maktabah wa Mutbiah Mustafa al-Babi al-Halbi wa Auladuhu, h.295.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu` un al-Islamiyyah. (1984). *Al-Mawsu` ah al-Fiqhiyyah*, c. 3. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu` un al-Islamiyyah, h. 213.;
- Wizaratu al-Awqaf wa al-Na` syiun al-Islamiyyah. (2005). *al-Mawsu` ah al-Fiqhiyyah*. juz.3. Kuwait: Wizaratu al-Awqaf wa al-Na` syiun al-Islamiyyah, h. 213-214.

- Zuhaily, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c. 4, Juz. 7, Damshiq: Dar Al-Fikr, h. 5265.
- Zuhaily. W. (2008). *Qadaya al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'asir*, Damshiq: Dar Al-Fikr, h. 58.
- Zuhayli. W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 100.